

Semiotik Dalam Skrip Monodrama Menunggu Lampu Hijau Karya Hatta Azad Khan

Semiotics in a Monodrama Waiting for the Green Light by Hatta Azad Khan

Maizatul Najwa Binti Abu Bakar
¹Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah

Program Persuratan Melayu
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: ¹nurafifah@ukm.edu.my,
a165918@siswa.ukm.edu.my

ABSTRAK

Menunggu Lampu Hijau karya Hatta Azad Khan mengisahkan tentang kehidupan poligami oleh seorang lelaki yang beristeri empat. Terdapat banyak unsur perlambangan dan simbolisme pada watak dan struktur gaya bahasa yang digunakan dalam skrip monodrama ini. Sehubungan dengan itu, simbolisme pada watak dan gaya bahasa yang terdapat dalam skrip monodrama ini menjadi fokus perbincangan artikel ini. Oleh itu, skrip monodrama Menunggu Lampu Hijau adalah bahan utama kajian ini. Objektif utama artikel ini adalah meneliti konsep dan keberkesanan pengaplikasian semiotik pada watak serta struktur gaya bahasa dalam skrip monodrama ini. Data bagi artikel ini diperolehi daripada rekabentuk kajian kualitatif. Dapatan artikel ini adalah, terdapat simbolisme dan perlambangan yang diterapkan oleh pengarang pada watak dan juga pada gaya bahasa yang digunakan seperti alusi, personifikasi, alegori, metafora dan hiperbola. Dalam konteks karya sastera, poligami digambarkan dalam bentuk simbolik yang dimanifestasikan melalui watak utama dalam naskhah ini. Tidak hanya pada watak utama, simbolik poligami ini turut dimanifestasikan terhadap watak sampingan dalam monodrama ini. Seterusnya, pengarang menggunakan struktur gaya bahasa perlambangan dalam mengangkat positifnya perkahwinan poligami. Kesimpulannya, pengarang menggunakan simbolisme dan perlambangan dalam mengutarakan isu sensitif kepada pembaca.

Kata kunci: kritikan sastera, drama Melayu, monodrama, semiotik, Hatta Azad Khan.

ABSTRACT

Waiting for the Green Light by Hatta Azad Khan tells of the life of polygamy by a man of four wives. There are many elements of symbolism and symbolism in the language style and structure used in this monodrama script. Accordingly, the symbolism of the characters and the style of language contained in this monodrama script is the focus of this article's discussion. Therefore, the monodrama script for the Green Lights is the main source of this study. The main objective of this article is to examine the concept and effectiveness of semiotic application of character and language style structure in this monodrama script. The data for this article is derived from qualitative research design. The findings of this article are that there are symbolism and symbolism applied by the author to the character as well as to the style of language used such as allusion, personification, allegory, metaphor and

hyperbole. In the context of literary works, polygamy is represented in a symbolic form that is manifested through the main characters in this manuscript. Not only in the main character, this polygamous symbolism is also manifested in the side characters in this monodrama. Next, the author uses the linguistic structure of the symbolic language in positively promoting polygamous marriage. In conclusion, the author uses symbolism and symbolism in presenting sensitive issues to the reader.

Keywords: *literary criticism, Malay drama, Monodrama, semiotic, Hatta Azad Khan*

1. Pengenalan

Hatta Azad Khan merupakan seorang pengarah dan juga dramatis yang terkenal dalam pementasan drama pentas dan juga monodrama. Kehebatan beliau dalam pementasan tidak disangkal lagi apabila beliau antara penerima Anugerah Sea Write Award. Antara hasil karya penulisan drama beliau ialah *Kerusi* (1976), *Patung-patung* (1977), *Mayat* (1978), *Puteri Gunung Ledang* (1981), *Jebat* (1982) *Syy!...*(1984), *Awang* (1985) dan *Anak Korporat* (1993). Beliau turut bergiat aktif dalam pementasan teater.

Kumpulan monodrama OTG (2015) memuatkan lima buah teks monodrama. *Menunggu Lampu Hijau* merupakan salah satu monodrama yang mengangkat isu poligami Hatta menggunakan simbolisme dan perlambangan dalam mengetengahkan isu sensitif dalam masyarakat Muslim iaitu isu poligami. Oleh itu, kebijaksanaan dan kekreativitan penulis dalam menyampaikan isu poligami menjadikan naskhah skrip monodrama ini begitu istimewa dimana penulis menggunakan simbolik dan humor tentang poligami dan seksual.

Justeru, kajian ini memfokuskan kepada skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* (2015) oleh Hatta Azad Khan. Monodrama *Menunggu Lampu Hijau* meneliti watak serta struktur gaya bahasa perlambangan yang terdapat dalam monodrama. Oleh itu, teori semiotik diaplikasikan dalam menafsir simbolisme yang digunakan oleh pengarang. Monodrama *Menunggu Lampu Hijau* yang dihasilkan oleh Hatta Azad Khan memaparkan perlambangan dan simbolisme pada watak dan struktur gaya bahasa. Terdapat pelbagai simbolisme yang digunakan pengarang terhadap watak dan gaya bahasa dalam menyampaikan isu poligami dalam monodrama *Menunggu Lampu Hijau*.

2. Tinjauan Literatur

Kajian tentang *Menunggu Lampu Hijau* karya Hatta Azad Khan kurang dihasilkan. Namun begitu, penulisan dalam buku mahupun dan artikel mengenai kajian semiotik terhadap monodrama kurang dilakukan jika dibandingkan dengan kajian semiotik pada cerpen, novel dan puisi. Kesemua genre tersebut mempunyai ciri-ciri yang berbeza. Jumlah penulisan mengenai kajian semiotik terhadap skrip monodrama adalah sangat terhad manakala kajian terhadap novel dan puisi adalah lebih popular. Oleh itu, maklumat dan pengetahuan tentang kajian semiotik terhadap monodrama didapati adalah kurang memandangkan karya monodrama masih baharu. Namun begitu, kajian yang dilakukan kepada kepengarangan Hatta Azad Khan telah dihasilkan.

Ahmad Zaidi Baharuddin dan Ani Omar (2018) dalam *Persoalan dan Pemikiran Hatta Azad Khan dalam teks drama Mayat, Patung-patung dan Kerusi* daripada perspektif Teori Persuratan Baru. Kajian ini memaparkan pemikiran pengarang terhadap karya-karya yang dihasilkan yang berkategori simbolisme. Pengkaji mengambil contoh teks tiga buah drama iaitu *Kerusi*, *Mayat* dan *Patung-patung* yang menggunakan simbolisme dan mengetengahkan isu masyarakat melalui watak dan gaya bahasa yang disampaikan secara

sinikal. Dalam teks drama “Kerusi” misalnya, kerusi disimbolkan sebagai satu kuasa. Ia menjadi rebutan dan siapa yang menduduki kerusi itu dia yang berkuasa. Pemikiran yang disumbangkan oleh Hatta ini dipengaruhi oleh pengalaman dan persekitaran beliau sendiri yang kemudiannya diterjemahkan ke dalam penulisan kreatif. Jika Ahmad Zaidi dan Ani Omar lebih memfokuskan kepada pemikiran pengarang menggunakan simbolisme, kajian ini turut menekankan unsur simbolisme dan perlambangan dari segi analisis perwatakan dan gaya bahasa. Oleh itu, kajian tersebut menjadi penambahan maklumat berkaitan analisis semiotik dalam karya Hatta Azad Khan. Kajian terhadap monodrama masih kurang dan tidak ramai yang membuat kajian mengenai drama. Terdapat banyak kajian semiotik dilakukan terhadap genre lain seperti novel dan puisi dalam kajian lepas. Hal ini menunjukkan bahawa kajian semiotik perlu ditambah sebagai lanjutan atau penambahan pengetahuan kepada masyarakat.

3. Metodologi

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan penerapan kajian kualitatif. Kajian perpustakaan ini terdiri daripada mencari bahan, memilih serta membaca bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk serta teori yang telah dipilih berkenaan dengan topic kajian skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Bahan-bahan yang dicari ini merangkumi buku-buku, tesis, jurnal, artikel, majalah, akhbar, ensiklopedia dan lain-lain lagi. Bahan-bahan yang diperoleh diteliti bagi memastikan kajian yang dijalankan ini memperoleh dapatan yang tepat.

Selain itu, kajian ilmiah yang dijalankan terdahulu turut ditelaah dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan tajuk kajian yang telah dipilih. Kajian ilmiah yang menjadi fokus utama ialah kajian ilmiah teori semiotik yang berkaitan skrip, novel dan drama serta lain-lain lagi. Tujuan penelitian dibuat ke atas bahan-bahan ini adalah untuk memastikan kajian ini bersifat asli.

Seterusnya, kaedah temu bual digunakan dalam menjalankan kajian ini. Temu bual dijalankan bersama dengan pengarang skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* iaitu Hatta Azad Khan. Beberapa persoalan berkaitan dengan kajian ditanyakan. Kaedah temu bual ini membantu dalam mendapatkan maklumat yang tepat dalam kajian ini. Hal ini kerana kaedah temu bual merupakan sumber pertama dalam mendapatkan maklumat.

Antara perpustakaan yang terlibat dalam kajian dalam pengumpulan data dan menjadi rujukan terbaik ialah Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia serta Bilik Pusat Sumber, Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Di samping itu, pengumpulan data juga dibuat melalui internet. Terdapat pelbagai laman web yang menawarkan bahan-bahan yang dikehendaki. Input yang diperolehi dapat digunakan sebagai bahan sampingan bagi mengukuhkan sesuatu penerangan. Laman web juga membantu dalam mendapatkan data kajian aspek-aspek tertentu. Sebagai contoh, melayari laman web Wikipedia mengenai tokoh dan drama yang dikaji. Laman web dipilih terlebih dahulu supaya maklumat yang diperolehi mempunyai fakta yang benar dan boleh diterima.

4. Dapatan dan Perbincangan

Hasil daripada penelitian mendapati prinsip semiotik diaplikasikan dalam monodrama *Menunggu Lampu Hijau* (2015) karya Hatta Azad Khan. Teori semiotik ini memaparkan simbolisme dan perlambangan yang terdapat dalam monodrama ini. Dalam bab ini, simbolisme dan perlambangan yang terdapat pada perwatakan dan juga struktur gaya bahasa ditafsir menggunakan teori ini. Teori semiotik yang diaplikasikan ke atas kajian ini dalam menafsir simbolisme dan perlambangan yang digunakan oleh pengarang untuk mengupas isu sensitif. Perbincangan difokuskan kepada kepada simbolisme dan perlambangan pada watak dan gaya bahasa dalam monodrama *Menunggu Lampu Hijau ini*.

4.1 Watak Dan Perwatakan

Dalam skrip *Menunggu Lampu Hijau* ini, watak utama yang ditampilkan oleh Hatta Azad antaranya ialah Ahmad Bukhari, Profesor Syed Mahfuz, Ahmad Bakti dan Ahmad Yatim. Keempat-empat watak ini antara penggerak utama penceritaan yang terdapat dalam skrip ini. Selain daripada empat watak utama itu, Hatta menampilkan beberapa watak sampingan yang lain yang mempunyai simbolik dan perlambangan dari segi perwatakan dan dialog yang ditonjolkan. Oleh itu, pengaplikasian semiotik dapat dilihat keatas beberapa watak dari segi dialog dan ciri perwatakan yang terdapat dalam skrip *Menunggu Lampu Hijau*.

4.1.1 Suami sebagai raja.

Perwatakan Ahmad Bakti dalam skrip ini digambarkan bahawa dia semaksum nabi yang bersifat adil dan begitu penyayang terhadap isteri-isterinya. Watak ini tonjolkan sisi keadilan seorang suami dalam menjaga kebajikan dan keadilan isteri-isteri yang dikahwininya. Hatta bijak mengetengahkan watak Ahmad Bakti dalam memperlihatkan kelebihan berpoligami. Meskipun Ahmad Bakti ini merupakan seorang lelaki teruna, beliau bertindak untuk mengahwini keempat-empat isterinya yang merupakan janda kesemuanya.

Keadilan dari segi layanan dan juga kebajikan yang diberikan sama rata kepada isteri-isterinya menampakkan sesuatu hal yang positif dalam perkahwinan poligami ini. Ahmad Bakti digambarkan sebagai semaksum nabi kerana beliau mencontohi sifat nabi yang adil dan amanah dalam menjalankan tanggungjawab sebagai seorang suami. Hatta meletakkan watak Ahmad Bakti sebagai lelaki yang begitu dihormati oleh kesemua isterinya. Selain itu, Hatta menggambarkan Ahmad Bakti sebagai seorang yang begitu taat dan patuh kepada agamanya. Ha ini dibuktikan dengan sebuah dialog daripada salah seorang isterinya:

AHMAD BUKHARI sebagai KAK NORMA: Pakaiannya sederhana, tapi kemas dan menarik. Dia tak pernah berlebih-lebih, tak suka pakai kot dengan tali leher. Tapi tidak pernah selekeh, tidak pernah selekeh, tidak memakai selipar atau sandal. Sentiasa berstoking dan berkasut. Tidak pernah berjanggut, berserban atau berjubah ke mana saja dia pergi. Ke masjid juga begitu. Katanya amalan agama letaknya di sini, bukan pada jubah, pada purdah, pada ketayap dan serban.

(Hatta Azad Khan, 2015:151)

Dialog di atas menunjukkan sanjungan oleh salah seorang isteri Ahmad Bakti. Dialog di atas juga menunjukkan nilai keagamaan yang ada pada watak Ahmad Bakti. Nilai keagamaan yang ditunjukkan oleh Hatta dalam watak Ahmad Bakti menunjukkan keteladanan Ahmad Bakti sebagai ketua keluarga yang disegani oleh isterinya. Nilai keagamaan yang diterapkan oleh pengarang pada watak ini menunjukkan bahawa pengetahuan ilmu agama adalah penting dalam perkahwinan terutamanya perkahwinan poligami. Hal ini kerana pengetahuan agama yang baik dimiliki oleh si suami akan dapat membentuk keluarga poligami yang rukun.

4.1.2 Kelapa Muda simbolik kepada wanita muda

Skrip *Menunggu Lampu Hijau* ini menggunakan istilah kelapa muda untuk menggambarkan anak dara atau wanita muda. Watak wanita muda dalam skrip ini terdiri daripada Semoh Usin dan Patma Suwunpukde. Kedua wanita ini merupakan wanita muda yang diambil menjadi isteri kepada Ahmad Yatim dalam perkahwinan yang dirahsiakan. Jika dibandingkan poligami yang diamalkan oleh Ahmad Bakti dengan Ahmad Yatim, watak poligami Ahmad Yatim ini menunjukkan satu sisi yang tidak baik dalam kehidupan poligami apabila berkahwin dengan kedua wanita muda ini secara rahsia tanpa pengetahuan isteri pertamanya.

Kelapa muda dalam skrip ini gambarkan kecantikan yang dimiliki oleh wanita atau anak dara yang belum berkahwin sehingga digilai oleh lelaki yang sudah berkahwin. Wanita muda secara umumnya diketahui lebih segar dan lebih memikat. Wanita muda ini juga adakalanya mampu memberikan perubahan besar kepada lelaki. Contoh petikan dialog di bawah menunjukkan pengaruh wanita muda terhadap lelaki yang berusia melalui watak Alia Najwa.

AHMAD BUKHARI sebagai PROFESSOR SYED MAHFUZ :... “ Dengan Najwa, aku seronok buat semua tu. Dia perkenal aku pada satu kehidupan yang lebih lengkap. Jiwa yang lebih kaya dan berseni. Dulu aku mana tau seni-seni semua ni...”

(Hatta Azad Khan,2015:159)

Contoh petikan dialog tersebut menggambarkan bagaimana wanita muda seperti Alia Najwa mampu memberikan pengaruh dan satu rasa keseronokkan. Perlambangan yang digarap oleh pengarang ini mengiyakan bahawa kecantikan serta tarikan yang ada pada seorang wanita muda ini menjadi satu sebab dalam poligami. Selain itu, istilah kelapa muda yang digunakan oleh Hatta terhadap watak Alia Najwa dalam skrip ini menggambarkan akan wanita muda yang cantik, bergaya dan bijak dan bertepatan dengan pilihan lelaki yang ingin berpoligami. Oleh itu, Hatta memaparkan satu stigma masyarakat dalam berpoligami yang lebih memilih wanita muda untuk dijadikan isteri.

4.1.3 Isteri sebagai tonggak dalam rumah tangga

Watak-watak isteri yang hidup berpoligami adalah seperti Norma, Habibah, Rozita dan Rugayah. Keempat-empat wanita ini merupakan watak isteri yang hidup berpoligami di bawah satu bumbung. Melalui perwatakan yang ditonjolkan oleh wanita-wanita ini, kesabaran dan sikap bertolak ansur merupakan simbol kerukunan dalam perkahwinan. Berdasarkan perilaku watak-watak wanita tersebut yang positif dalam mengharungi kehidupan poligami menampakkan kelebihan hidup berpoligami ini.

AHMAD BUKHARI sebagai KAK ITA : “Dalam perkahwinan memanglah kita harap yang terbaik, tapi kadang-kadang kita tersilap atau tersilap langkah. Kita terima itu sebagai pengajaran dan kali kedua kita dipertemukan jodoh, kita mesti lebih berhati-hati...”

(Hatta Azad Khan, 2015:149)

Pengajaran daripada perkahwinan yang sebelumnya menjadikan mereka matang dalam mengharungi perkahwinan yang kedua. Perwatakan isteri-isteri dalam skrip *Menunggu Lampu Hijau* ini mengetengahkan kehidupan isteri-isteri yang berpoligami begitu menghormati suami mereka walaupun berada di bawah satu bumbung yang sama. Justeru, watak-watak yang digarap oleh pengarang menggambarkan nilai-nilai positif kehidupan poligami.

4.2 Semiotik Pada Gaya Bahasa Perlambangan

Unsur perlambangan dalam skrip *Menunggu Lampu Hijau* terdapat melalui dialog yang digarap oleh penulis dalam naskah ni. Gaya bahasa perlambangan yang terdapat dalam skrip ini lebih ke arah unsur alam. Gaya bahasa ialah cara cara kesukaan seseorang itu bercerita. Menurut Mana Sikana (1998), matlamat bagi sesebuah penggunaan sesuatu gaya bahasa yang terdiri daripada berbagai-bagai bentuk itu itu bertujuan untuk menimbulkan sebuah keindahan atau yang disebut sebagai estetik. Aspek yang terpenting ialah aspek makna atau semantik yang terdapat pada skrip tersebut. Justeru, dalam skrip ini terdapat beberapa unsur perlambangan yang digunakan pengarang bagi menggambarkan sesuatu keadaan atau situasi.

4.2.1 Alusi

Alusi merupakan sebuah gaya bahasa yang digunakan untuk merujuk kepada sesuatu perkara secara tidak langsung. Gaya bahasa ini digunakan untuk menyindir atau merupakan sebuah sindiran yang disampaikan kepada seseorang. Namun begitu, gaya bahasa alusi turut digunakan untuk menunjukkan sesuatu peristiwa atau dirujuk kepada tokoh. Melalui skrip ini, dapat dilihat bagaimana seorang wanita cuba memujuk seorang lelaki yang enggan berkahwin meskipun usianya sudah lewat 40-an.

AHMAD BUKHARI sebagai KAK GAYA : Dah kira tua tu! Kau nak cari anak dara masak ranum tujuh belas, lapan belas atau dua puluh satu atau dua puluh dua, dah tak ada dah! Dah terlambat, semuanya dah fully-booked! Kau nak andartu adalah! Tapi akak ingatlah daripada kau kahwin andartu tiga puluh empat puluh tahun, eloklah kau kahwin si Mimi tu! Lama sikit kau boleh pakai!

(Hatta Azad Khan, 2015: 145-146)

Daripada petikan di atas, sindiran ditujukan kepada Bukhari yang memilih dalam mencari pasangan hidupnya. Sindiran tersebut tidak disampaikan secara langsung akan tetapi dalam bentuk kias. Hatta menggunakan istilah “anak dara masak ranum” bagi menggambarkan tentang ciri-ciri wanita muda yang sudah cukup usia untuk berkahwin.

Kebiasaannya, istilah masak ranum digunakan untuk buah-buahan yang telah matang dan boleh dituai.

4.2.2 *Personifikasi*

Hatta cenderung menggunakan gaya bahasa personifikasi dalam skrip ini. Personifikasi disebut juga pengorangan dan merupakan sebuah gaya bahasa yang memberi watak manusia kepada benda-benda mati baik perlakuan dalaman dan perlakuan luaran (Maniyanim, 2006). Penggunaan kata-kata ini menerbitkan makna yang lain daripada makna yang tersurat atau disebut sebagai bahasa kiasan. Hatta menggunakan kiasan yang berunsur alam dalam naskhah skripnya ini bagi menunjukkan kiasan kepada wanita muda. Sebagai contoh istilah “kelapa muda”. Kelapa muda jika dirujuk kepada makna konkritnya membawa maksud buah, namun jika pada makna abstraknya ia merujuk kepada wanita muda atau anak dara.

AHMAD BUKHARI : ... “Kenapa abah lupakan saya? Anak bongsu lelakinya yang masih bujang? Sepatutnya bila ditawarkan anak dara, abah patut terima untuk dijodohkan dengan saya. Tapi rupanya abah yang kebas! Bukan satu, tapi dua. Dan dua-duanya comel lote! Abah, abah! Saya sangkakan satu, rupanya dua biji kelapa disungkitnya.”...

(Hatta Azad Khan, 2015: 164-165)

Sungkit dalam konteks makna konkritnya ialah menyungkit atau menolak benda berat ke atas dengan menggunakan tuas atau penukul. Akan tetapi, dalam konteks skrip diatas, pengarang menggunakan istilah tersebut bagi menggambarkan watak Ahmad Yatim, bapa Bukhari yang telah berusia tetapi berjaya mengahwini dua orang anak dara yang masih muda. Kiasan yang digarapkan oleh penulis secara tidak langsung menunjukkan bahawa dalam berpoligami, wanita yang masih muda ini menjadi pilihan untuk dijadikan isteri. Kelapa tua pula istilah yang dirujuk kepada wanita yang berusia. Berikut adalah dialog yang menunjukkan penggunaan istilah kelapa tua :

AHMAD BUKHARI : Dua biji kelapa tua bolehlah bos! Saya angkat dua biji kelapa muda. Kelapa muda lebih berat tau.

(Hatta Azad Khan, 2015: 160)

4.2.3 *Allegori*

Alegori merupakan sebuah gaya perbandingan yang sempurna dan lengkap. Keindahan bahasa ini dapat ditimbulkan dengan menggunakan berbagai-bagai unsur bahasa dramatic (Zurinah Hassan, 2010). Daripada dialog yang terdapat dalam skrip *Menunggu Lampu Hijau* ini, pengarang menggambarkan watak lelaki yang hidup berpoligami ini umpama raja dan dewa kepada si isteri. Gambaran ini dilihat pada watak Bakti yang begitu disenangi oleh isterinya.

AHMAD BUKHARI sebagai KAK GAYA: “Ni akak nak tambah sikit. Dalam dunia ni, orang lelaki 99% adalah setan, cuma 1% saja nabi. Dan orang perempuan pula 95% adalah racun, Cuma 5% saja penawar. Kami berempat ini tergolong dalam yang 5%

itu dan bertemu dengan abang Bakti yang datangnya daripada golongan yang 1% itu. *We cannot ask for more!* Abang Bakti adalah dewa, adalah raja adalah segala-segalanya. Kami jaga makan pakai dia, jaga tubuh badan dia, jaga tidur bangun dia, jaga tubuh badan dia, jaga keselamatan dia. Pendeka kata jaga segala-galanya. Kalau dia balik rumah akak, akak mandikan dia, sabunkan dia, lap badan dia, bulu ketiak dia pun akak cukur!

(Hatta Azad Khan, 2015: 149-150)

Gaya bahasa alegori ini membandingkan sesuatu yang lain secara utuh. Hatta melambangkan lelaki itu adalah raja kepada isteri-isterinya. Dalam konteks skrip ini, isteri-isteri yang hidup berpoligami ini begitu menghormati suami mereka. Hatta meletakkan simbolik suami sebagai raja ini jelas menunjukkan bahawa lelaki itu berkuasa dan perlu dihormati oleh isteri-isterinya.

4.2.4 Metafora

Metafora adalah sebuah perbandingan secara langsung diantara satu benda dengan benda yang lain yang ada sifat kesamaannya. Satu daripada dua perkataan metafora bersifat konkrit dan menjadi objek untuk difikirkan, dan satu lagi bersifat abstrak (Maniyamin, 2006). Sastera yang membawa simbol seks sememangnya terdapat unsur metafora, akan tetapi maknanya membawa maksud yang kurang manis di kalangan orientalisme. Namun begitu, Foucault menyatakan bahawa seks itu adalah lambang kekuatan dan kegagahan (Mana Sikana, 1998). Menerusi skrip ini, Hatta mengaitkan perlakuan seks dengan unsur alam.

Cara penggunaan unsur alam ini adalah sebagai sumber perlambangan atau metafora. Perlambangan atau metafora merupakan bahasa kiasan yang menyatakan sesuatu dengan sesuatu yang lain (Zurinah Hassan, 2010). Berikut merupakan contoh petikan yang menggunakan perlambangan untuk menyampaikan sesuatu yang tersirat dan bermakna secara kiasan.

AHMAD BUKHARI : Sebulan kemudian abang ambil cuti empat hari. Dan, selama empat hari empat malam abang bekerja keras turun ke sawah bendang, membajak dan menabur benih di empat penjuru alam. Benih abang tertanam di tanah yang subur, cukup baja, cukup air dan cahaya. Hari Raya tahun seterusnya abang balik beraya bawa kereta mewah dengan empat orang isteri masing-masing meriba anak kecil berusia dua bulan, dua lelaki dan dua perempuan.

(Hatta Azad Khan, 2015: 140-141)

Pengarang mengiaskan sesuatu kejadian dengan unsur alam agar makna yang disampaikan tidak disalah erti. Dialog tersebut menggambarkan bahawa Ahmad Bakti gigih dalam usaha untuk mendapatkan zuriat bersama isteri-isterinya hanya untuk menunaikan hajat ibunya yang inginkan cucu dari darah dagingnya yang sendiri. Perlambangan yang berunsurkan alam ini memberikan identity kepada sastera Melayu malah menjadi alat terpenting kepada sastera Melayu. Justeru, perlambangan berunsurkan alam ini menampakan pengekal identity sastera Melayu dalam karya.

4.2.5 Hiperbola

Hiperbola ialah satu gaya bahasa yang menggambarkan atau menyatakan sesuatu dengan cara yang agak keterlaluan atau berlebihan daripada keadaan yang sebenarnya (Kamaruddin Haji Hussin,1995) . Perkataan ini juga berasal dari perkataan Latin “ballein” yang bermaksud melemparkan, iaitu satu gaya bahasa yang cuba menunjukkan atau membesar-besarkan ataupun melebih-lebihkan sesuatu perkara atau benda. Kadang kala ia menjadi seperti perkara yang tidak masuk akal, luar biasa dan tidak tepat.

AHMAD BUKHARI : ... “Mak mengadu pada abang, tapi kata abang, biarlah dia buat kebajikan asalkan dia bahagia. Rupanya memang abah cukup bahagia. Dalam sibuk buat amal jariah, abah bina dua buah surau dalam gelap...”

(Hatta Azad Khan. 2015 : 164)

Terma ayat iaitu “bina dua buah surau dalam gelap” merupakan satu istilah yang diaplikasikan oleh pengarang untuk menunjukkan bahawa poligami yang dilakukan secara rahsia. Dua buah surau itu membawa satu maksud abstrak yang berkias terhadap dua buah perkahwinan. Penggunaan gaya bahasa tersebut dilihat berlebihan dalam menggambarkan majlis perkahwinan tersebut. Keadaan tersebut menggambarkan kelemahan poligami.

5. Rumusan

Keseluruhannya, dapatan kajian daripada analisis yang dilakukan pada perwatakan serta gaya bahasa menggunakan teori semiotik dapat menghuraikan perlambangan yang digunakan oleh Hatta dalam skrip monodrama ini. Perlambangan pada perwatakan dimanifestasikan melalui beberapa watak utama dan juga sampingan. Pengaplikasian teori semiotik ini menumpukan kepada skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau*. Oleh itu, fokus utama kajian ini adalah kepada skrip monodrama *Menunggu Lampu Hijau* karya Hatta Azad Khan yang merupakan rujukan utama kajian. Selain itu, pendekatan semiotik diaplikasikan dalam menghuraikan gaya bahasa perlambangan yang digunakan. Antara gaya bahasa perlambangan yang terdapat dalam kajian ini adalah alusi, personifikasi, allegori, metafora dan hiperbola. Justeru, pendekatan semiotik yang digunakan dalam kajian ini dapat menghuraikan simbolisme dan juga perlambangan yang diaplikasikan oleh Hatta dalam skrip monodrama ini.

Kesimpulannya, skrip monodrama yang dihasilkan oleh Hatta Azad Khan tersirat dengan pelbagai mesej serta pengajaran yang berteraskan realiti kehidupan masyarakat. Unsur-unsur perlambangan dan simbolisme yang digunakan oleh Hatta dalam karyanya merupakan medium dalam menyampaikan isu yang berlaku dalam kehidupan realiti. Oleh itu, dengan terhasilnya kajian ini dapat menambahkan lagi rujukan dan kajian terhadap karya-karya Hatta Azad Khan di masa akan datang memandangkan kajian tentang semiotik pada karya beliau masih kurang dihasilkan.

Rujukan

Adawiyah Ismail & Salasiah Hanin Hamjah. (2012). Kefahaman terhadap kedudukan wanita bekerjaya menurut Islam. *Jurnal al-Hikmah*, 4, 3-14.
<http://journalarticle.ukm.my/6752/>

- Dayang Nurfarhana Binti Abang Kusairi. (2017.) *Sosiologi dalam Filem Lelaki Harapan Dunia* [Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Hatta Azad Khan. (2015). *OTG*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Madzlan Bin Abet. (2016). *Pemikiran Hatta Azad Khan dalam Teks Drama Muzikal Kampung Baru* [Tesis Dr. Falsafah, Universiti Malaya].
- Shaiful Bahri Md. Radzi. (2018). *Sains Sosial dan Kemanusiaan: Penyelidikan Kualitatif*. Global Mediastreet Sdn Bhd.
- Suraidah Binti Ambok Mangkek. (2017). *Sosiologi dalam Filem Werewolf dari Bangladesh* [Ijazah Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia].